

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/98

September 1997

MSG 328 - Pemodelan Matematik

Masa: [3 jam]

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA soalan di dalam EMPAT halaman yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA TIGA soalan.

- 1.(a) Terbitkan persamaan keabadian

$$\frac{\partial A}{\partial t} = - \frac{\partial Q}{\partial x} \quad (1)$$

bagi suatu saluran dengan luas keratan rentas $A \text{ m}^2$, aliran air $Q \text{ m}^3/\text{s}$, di mana $t = \text{masa (s)}$, $x = \text{jarak (m)}$. Seterusnya terbitkan persamaan gelombang tulen.

$$\frac{\partial u}{\partial t} + g \frac{\partial \eta}{\partial x} = 0 \quad (2)$$

$$\frac{\partial \eta}{\partial t} + h \frac{\partial u}{\partial x} = 0 \quad (3)$$

bagi suatu saluran seragam dengan $u = \text{halaju air}$ dan $\eta = \text{paras air atas paras purata}$. Terangkan dengan jelas anggapan-anggapan yang sesuai untuk model di atas serta maksud dan unit g dan h .

- (b) Tunjukkan bahawa (2) dan (3) boleh diturunkan kepada bentuk persamaan gelombang berikut:

$$\omega_{tt} = c^2 \omega_{xx} \quad (4)$$

untuk u dan η masing-masing. Apakah nilai c^2 .

Sahkan bahawa

$$\eta = a \sin (\sigma t - kx) \quad (5)$$

$$u = a \sqrt{\frac{g}{h}} \sin (\sigma t - kx) \quad (6)$$

ialah suatu penyelesaian dengan $\sigma^2 = gh k^2$. Apakah maksud dan unit bagi σ dan k ?

...2/-

- (c) Bagi suatu muara seragam, biarkan $h = 15$ m, $g = 9.81 \text{ m/s}^2$. Untuk suatu pasang-surut semi-harian (kalaan 12.42 jam) dengan amplitud $a = 1.25$ m, dapatkan halaju u dan lakarkan η dan u pada rajah yang sama.
- (d) Jika rintangan linear dan kelikatan diambil kira, maka persamaan (2) akan terjadi

$$\frac{\partial u}{\partial t} + g \frac{\partial \eta}{\partial x} + Ru - E \frac{\partial^2 u}{\partial x^2} = 0. \quad (7)$$

Bagi pasang-surut di atas dapatkan anggaran setiap sebutan di (7) jika $R = 10^{-4} \text{ s}^{-1}$, $A = 10^2 \text{ m}^2 \text{s}^{-1}$. Seterusnya dapatkan pasang-surut dengan rintangan linear Ru , dengan mengabaikan kelikatan.

(100/100)

- 2.(a) Apabila keadaan mantap tercapai, persamaan aliran-sebaran ialah

$$E \frac{\partial^2 c}{\partial x^2} - u \frac{\partial c}{\partial x} - kc = 0 \quad (8)$$

di mana k ialah kadar reputan. Andaikan unit asas ialah m , s dan kg . Berikan unit bagi E , c , u dan k .

- (i) Terbitkan penyelesaian


$$c(x) = \begin{cases} c_0 e^{m_1 x}, & x \leq 0 \\ c_0 e^{m_2 x}, & x \geq 0 \end{cases}$$

di mana $m_1 = \frac{u}{2E}(1+\alpha)$, $m_2 = \frac{u}{2E}(1-\alpha)$, $\alpha = \sqrt{1+\frac{4kE}{u^2}}$. Terangkan apakah syarat-syarat sempadan yang sesuai, untuk penyelesaian di atas.

- (ii) Jika aliran ialah $Q \text{ m}^3/\text{s}$ dan kadar pembuangan bahan kimia ialah $w \text{ kgs}^{-1}$ terbitkan nilai $c_0 = \frac{w}{Q\alpha}$.
- (iii) Andaikan $E = 0.1 \text{ m}^2/\text{s}$, $u = 0.1 \text{ m/s}$, $Q = 2 \text{ m}^3/\text{s}$, $k = 10^{-4} \text{ s}^{-1}$ dan $w = 10^{-1} \text{ kgs}^{-1}$. Cari c_0 dan $c(x)$ pada $x = 4 \text{ km}$ dan $x = -0.1 \text{ km}$. Lakarkan $c(x)$. Dapatkan anggaran nilai untuk setiap sebutan dalam persamaan (8) di atas, untuk $x \geq 0$ dan $x \leq 0$ masing-masing.

...3/-

- (b) Berasaskan pertimbangan di atas, kita selesaikan (8) bahagian (iii) mengikut kaedah berangka dengan 3 segmen seperti berikut, untuk $x \geq 0$.




Anggapkah panjang setiap setiap segmen $\Delta x = 1000 \text{ m}$, dan $c_0 = 0, c_4 = 0$.

Bentukkan sistem (3×3) untuk masalah ini dan selesaikan. Bandingkan dengan jawapan di bahagian (iii) di atas.

Adakah anggapan $\Delta x = 1000 \text{ m}$, dan $c_0 = c_4 = 0$ sesuai?

(100/100)

- 3.(a) Andaikan suatu tадahan seperti berikut



yang boleh dimodelkan melalui model takungan linear, di mana dianggapkan bahawa aliran $Q(t) \text{ m}^3/\text{s}$ adalah berdasarkan dengan takungan $S(t) \text{ m}^3$, iaitu

$$Q \propto S \text{ atau } Q = kS \quad (9)$$

sebagai gantian untuk persamaan hidrodinamik. Persamaan keabadian ialah

$$\frac{dS}{dt} = R(t) - Q(t) \quad (10)$$

di mana $R(t)$ ialah aliran masuk ke dalam tадahan melalui hujan $r(t) \text{ mm/jam}$ atas permukaan dengan luas $A \text{ km}^2$.

..4/-

Anggapkan bahawa $r(t)$ mm/jam dan A km² telah diberikan.

- (i) Dapatkan $R(t)$ m³/s.
 - (ii) Bentukkan persamaan pembezaan untuk $Q(t)$ m³/s dan selesaikan jika $Q_0 = 4$ m³/s, $r(t) = 25$ mm/jam untuk 4 jam dan $A = 100$ km².
 - (iii) Jika $r(t) = 1500$ mm/tahun bersih, $A = 100$ km² dapatkan $R(t)$ m³/s dan selesaikan (ii) jika $Q_0 = 5$ m³/s. Lakarkan $Q(t)$ dengan menunjukkan Q apabila $t \rightarrow \infty$.
- (b) Anggapkan pekali sebaran $E = 0$ m²s⁻¹ bagi soalan ini.

- (i) Pertimbangkan model BOD-DO selepas keadaan mantap tercapai

$$0 = -v \frac{dL}{dx} - K_r L$$

$$0 = -v \frac{dC}{dx} - K_r L + K_a (C_s - C)$$

dengan syarat $L = L_0$, $C = C_0$ pada $X = 0$, di mana L = kepekatan BOD, C = kepekatan DO, v = halaju, K_r = kadar reputan, K_a = kadar peranginan dan C_s = pemalar ketepuan. Tunjukkan $L = L_0 \exp\left(-K_r \frac{x}{v}\right)$. Biarkan $D = C_s - C$, $D_0 = C_s - C_0$ (defisit bagi DO). Tunjukkan bahawa defisit DO iaitu D , adalah diberikan oleh

$$D = L_0 \left(\frac{K_r}{K_a - K_r} \left[\exp\left(-K_r \frac{x}{v}\right) - \exp\left(-K_a \frac{x}{v}\right) \right] + D_0 \exp\left(-K_a \frac{x}{v}\right) \right).$$

- (ii) Misalkan suatu sungai yang menerima efluen BOD dengan ciri-ciri seperti berikut. Ciri-ciri efluen ialah $Q_e = 0.5$ m³/s, $L_e = 150$ mg/ℓ, $D_e = 0$ mg/ℓ, dan ciri-ciri sungai ialah $E = 0$ m²/s, $v = 0.3$ m/s, $K_a = 0.5$ d⁻¹, $K_r = 0.4$ d⁻¹, $Q = 4.5$ m³/s, $L = 0$ mg/ℓ, $D = 0$ mg/ℓ.

Anggapkan keadaan mantap tercapai. Cari nilai L dan D pada 10 km, 40 km dan 80 km. Dapatkan nilai genting bagi defisit D dan lakarkan graf bagi L dan D .

(100/100)

-0000000-